

# KANDUNGAN

## contents

<b>BARISAN PENTADBIR RMC</b> <i>ADMINISTRATIVE FRONT OF RMC</i>	1
--	---

<b>PERUTUSAN DEKAN</b> <i>DEAN'S MESSAGE</i>	4
---	---

<b>RMC SEPINTAS LALU</b> <i>RMC AT A GLANCE</i>	5
--	---

<b>RANCANGAN MASA DEPAN</b> <i>THE WAY FORWARD</i>	6
---	---

<b>LAPORAN PENGURUSAN</b> <i>MANAGEMENT REPORT</i>	7
---	---

- **Pengurusan Projek**  
*- Project Management*
- **Pengurusan Harta Intelekt**  
*- Intellectual Property Management*

<b>LAPORAN AKTIVITI PENGUKUHAN P&amp;P</b> <i>R&amp;D ENHANCEMENT ACTIVITY</i>	18
---	----

- **Pertandingan dan Pameran P&P**  
*- R&D Competition and Exhibition*
- **Bengkel Pemantauan Projek**  
*- Project Monitoring Workshop*
- **Bengkel Perancangan Pencapaian Milestone  
dan Penyediaan Laproan Akhir serta IP Screening**  
*- The Milestone Achievement Plan, and The Final Project  
Report Preparation with IP Screening Workshop*
- **Hari Bersama Pelanggan**  
*- Customer Day*
- **Program Kesedaran Harta Intelekt**  
*- Intellectual Property Awareness Program*
- **Bengkel Perancangan Strategik**  
*- Strategic Planning Workshop*

<b>PENCAPAIAN</b> <i>ACHIEVEMENT</i>	24
---	----

<b>LAPORAN KEWANGAN</b> <i>FINANCIAL REPORT</i>	25
--	----

## **PERKHIDMATAN UTAMA**

- Pengurusan P&P
- Perolehan Geran P&P
- Promosi & Eksploitasi Hasil Penyelidikan
- Pengurusan Projek
- Pengurusan & Eksploitasi Harta Intelek

## **CORE BUSINESS**

- *R&D Management*
- *R&D Fund Soliciting*
- *Research Findings Promotion & Exploitation*
- *Project Management*
- *Intellectual Property Management & Exploitation*

## **PIAGAM PELANGGAN**

RMC adalah komited secara berterusan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan pengurusan Penyelidikan dan Pembangunan (P&P) bagi mencapai kepuasan pelanggan dengan memastikan:

- Pelanggan menikmati perkhidmatan pengurusan P&P yang sentiasa bermutu tinggi, terjamin dan memenuhi piawai yang ditetapkan.
- Staf yang cekap, mesra, berdisiplin dan terlatih.
- Kelengkapan, kemudahan dan teknologi sentiasa dalam keadaan yang terbaik dan terkini.

## **CUSTOMER CHARTER**

*RMC is committed to enhance the research and development (R&D) management services to meet customer satisfaction through:*

- *High quality R&D management in accordance with pre-determined standards.*
- *Efficient, friendly, disciplined and skilled employees.*
- *Excellent & advanced infrastructure and technology support.*

**BARISAN PENTADBIR RMC**  
**ADMINISTRATIVE FRONT OF RMC**



**Prof. Dr. Ariffin Samsuri**  
Dekan  
*Dean*

**Prof. Dr. Rose Alinda Alias**  
(April 2005-Sekarang)  
Timbalan Dekan I  
(Pengurusan  
Projek & Kewangan)  
*Deputy Dean I*  
(Project & Financial  
Management)

**Prof. Dr. Noraieni Mokhtar**  
(April 2005-September 2006)  
Timbalan Dekan II  
(Perkhidmatan Korporat)  
*Deputy Dean II*  
(Corporate Service)

**Prof. Dr. Wan Azelee**  
Wan Abu Bakar  
(November 2002-April 2005)  
Timbalan Dekan I  
(Pengurusan  
Projek & Kewangan)  
*Deputy Dean I*  
(Project & Financial  
Management)

**Prof. Dr. Azlan**  
Ab. Rahman  
(April 1997-April 2005)  
Timbalan Dekan II  
(Perkhidmatan Korporat)  
*Deputy Dean II*  
(Corporate Service)

**Prof. Madya Dr. Shahrudin Salleh**  
Pengurus Sistem Maklumat  
*Information System Manager*

**En. Amir Hamzah Jamil**  
Timbalan Pendaftar  
*Deputy Registrar*

**BAHAGIAN PENGURUSAN PROJEK DAN KEWANGAN**  
**PROJECT AND FINANCIAL MANAGEMENT SECTION**



**Prof. Dr. Rose Alinda Alias**  
Timbalan Dekan I  
*Deputy Dean I*

**En. Amir Hamzah Jamil**  
Timbalan Pendaftar  
*Deputy Registrar*

**Pn. Sabrina Ibrahim**  
Pegawai Tadbir  
(Aktiviti & Tuntutan)  
*Administrative Officer  
(Activity & Claim)*

**En. Jeffri Selamat**  
Pegawai Kewangan  
*Financial Officer*

**Pn. Masni Salleh**  
Pegawai Tadbir  
(Pemantauan)  
*Administrative Officer  
(Monitoring)*

**UNIT SISTEM MAKLUMAT**  
**INFORMATION SYSTEM UNIT**

**Prof. Madya Dr. Shahrudin Salleh**  
Pengurus Sistem Maklumat  
*Information System Manager*

**Cik Norazrin Kurmin**  
Pegawai Sistem Maklumat  
(Pengaturcara)  
*Information System Officer  
(Programmer)*

**Pn. Noor Fazilah Zakaria**  
Pegawai Sistem Maklumat  
*Information System Officer*





Prof. Dr. Noraieni Mokhtar  
Timbalan Dekan II  
*Deputy Dean II*



Pn. Punithavalli a/p Marimuthu  
(Oktober 2005 - Sekarang)  
Penolong Pendaftar  
*Assistant Registrar*



Pn. Zalina Pareng  
Pegawai Tadbir (Penerbitan)  
*Administrative Officer (Publication)*



Pn. Hanifah Ahmad  
(Jun 1998 -  
Oktober 2005)  
Penolong Pendaftar  
*Assistant Registrar*



Pn. Zareena Omar  
Pegawai Tadbir  
(Hubungan Industri & Promosi)  
*Administrative Officer  
(Industry Liaison & Promotion)*



En. Mohd Herme Yusman  
Mohd Tahir  
Pegawai Tadbir  
(Harta Intelek)  
*Administrative Officer  
(Intellectual Property)*

## PERUTUSAN DEKAN

Kini Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) mencecah 23 tahun beroperasi dengan nama baru dan saya dengan sukacita ingin menyatakan penyelidikan UTM telah mencapai banyak kemajuan. RMC memainkan peranan dalam mengurus dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan (P&P) serta menggalakkan penyelidikan yang bersifat multi-disiplin dan bersepadu di UTM. RMC telah mempergiatkan lagi aktiviti-aktiviti pelaksanaan tugas utamanya yang meliputi usaha mengukuhkan keupayaan penyelidikan dan meningkatkan perolehan geran penyelidikan, pengurusan P&P, perlindungan harta intelek dan meningkatkan nilai aset hasil P&P supaya sejajar dan menyokong matlamat Universiti dan Negara. Rancangan Malaysia ke-8 yang telah berakhir pada Disember 2005 lalu, menunjukkan pertambahan jumlah geran keseluruhan P&P sebanyak 106.9% kepada RM165.632 juta berbanding dengan Rancangan Malaysia Ke-7 (RMK-7) sebanyak RM80.06 juta. Peningkatan ini telah mendorong UTM untuk meningkatkan usaha dalam mempergiatkan aktiviti-aktiviti P&P yang bukan sahaja dapat menambah sumber pendapatan Universiti malahan juga kepada negara. Saya amat berharap semua pihak di RMC dapat memberikan komitmen yang berterusan agar dapat menjadikan RMC sebagai sebuah organisasi yang cemerlang, gemilang dan terbilang. Sebagai penutup, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua kerana memberikan sepenuh kepercayaan dan sokongan kepada RMC dalam melaksanakan tugas-tugasnya. Akhir kata, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan 2004/2005.

**Prof. Dr. Ariffin Samsuri**

**Dean of Research Management Centre**

## DEAN'S MESSAGE



*The Research Management Centre (RMC) has reached its 23rd year of operation with a new name to mark and I am proud to say that the research done by UTM has achieved various accomplishments. RMC has played an important role in managing and coordinating research and development (R&D) activities while encouraging multi-disciplined and unified research in UTM. RMC has doubled up the activities in performing their main duties which includes the efforts to increase awarded research grants, improve R&D management, protection of intellectual property and increase the asset value of R&D products in order to be in line and in sync with the objective of the university and country. The Eighth Malaysian Plan which ended last December 2005 showed an increase of IRPA grant awarded which amounted 106.9% (RM165.632 M) compared to RMK-7 which amounted RM80.06 million. This improvement has encouraged UTM to strive towards excellence in organising R&D activities that will not only contribute to the university's income but also to the country. I really hope that the people in RMC will continue to pledge their commitments in order to create an excellent, glorious and distinctive organisation. As a conclusion, I would like to thank UTM for its trust in RMC in managing their duties. Last but surely not least, I gladly and proudly present the 2004/2005 Annual Report.*

## RMC SEPINTAS LALU

Sejarah awal RMC bermula pada tahun 1982 dengan penubuhan Unit Penyelidikan dan Perundingan. Peranan unit ini ialah menggerak dan menyelaraskan aktiviti penyelidikan dan perundingan yang dijalankan oleh fakulti-fakulti di UTM. Dalam tahun 1993 unit ini telah ditukar kepada Unit Penyelidikan dan Pembangunan. Selaras dengan tumpuan utama Universiti kepada aktiviti penyelidikan, pembangunan teknologi dan inovasi pada tahun 1997, Mesyuarat Eksekutif Universiti telah meluluskan nama unit ini diganti dengan Pusat Pengurusan Penyelidikan atau *Research Management Centre (RMC)*.

## RMC AT A GLANCE

*The early history of RMC dated back to 1982 with the establishment of the Research and Consultation Unit. The role of the unit was to initiate and coordinate the research and consultation activities organised by the various faculties in UTM. In 1993, the unit was changed to the Research & Development Unit. In line with the main focus of the university towards research, technology development and innovation activities in 1997, the UTM Executive Meeting approved the changing of its name to Research Management Centre (RMC).*



RMC merupakan sebuah pusat yang bertanggungjawab dalam pengurusan penyelidikan dan pembangunan (P&P) di UTM. Penubuhannya telah mendapat pengiktirafan daripada Kementerian Kewangan Malaysia sebagai Institut Penyelidikan yang diluluskan di bawah Seksyen 34B, Akta Cukai Pendapatan 1967 berkuatkuasa pada 1 Januari 1991.

*RMC is a centre responsible for the management of research and development (R&D) in UTM. The establishment of this centre received certification from the Malaysian Ministry of Finance as an approved Research Institute under Section 34B, Income Tax Act 1967 effective 1<sup>st</sup> January 1991.*

## RANCANGAN MASA DEPAN

Penyelidikan & Pembangunan (P&P) di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah diktiraf sebagai yang terbaik di antara institusi pengajian awam di Malaysia. Kualiti P&P UTM telah mendapat pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa melalui pertandingan penyelidikan dan juga perolehan geran-geran penyelidikan.

Di dalam Rancangan Malaysia ke-7 (RMK-7) dan Rancangan Malaysia ke-8 (RMK-8) UTM adalah di antara universiti yang telah menerima peruntukan tertinggi dalam bidang P&P. UTM telah dan akan melaksanakan beberapa strategi untuk menjadi unversiti ternama di dalam bidang P&P.

*The Way Forward Research and Development Strategic Plan (2003-2010)* adalah hasil beberapa sesi perbincangan dan percambahan fikiran yang telah diadakan bersama ketua-ketua penyelidik, ketua-ketua kumpulan fokus, wakil-wakil fakulti dan semua pihak yang terlibat dalam P&P Universiti untuk mensejajarkan pelan tindakan yang baru dengan visi Universiti ke arah Universiti Bertaraf Dunia pada 2010.

Pelan tindakan yang rapi telah digariskan dengan mengambilkira peluang-peluang dan cabaran-cabaran yang akan ditempuhi dalam Rancangan Malaysia ke-9 (RMK-9). Pelbagai strategi telah dikenalpasti untuk mencapai sasaran-sasaran yang telah ditetapkan Universiti. Bagi setiap sasaran, sebuah jawatankuasa akan dibentuk untuk menilai, merekod dan melaporkan kemajuan yang dicapai. Pelan Tindakan bersama dengan faktor kritikal kejayaan akan digunapakai oleh semua fakulti dan pusat kecemerlangan supaya matlamat tercapai secara bersepadu. RMC telah dipertanggungjawabkan untuk memantau dan memastikan perlaksanaannya menepati sasaran yang ditetapkan

*The Way Forward Research and Development Strategic Plan (2003-2010)* akan memastikan UTM menjadi peneraju dalam penyelidikan dan pembangunan yang bertaraf dunia. Adalah diharapkan semua penyelidik di UTM akan mempergunakan peluang ini untuk memberi maklumbalas dan menyumbangkan idea dalam melaksanakan serta memperbaiki semua pelan strategi yang telah dirancang. Adalah diharapkan Pelan Strategi yang telah dirancang dapat dijadikan panduan yang berguna kepada penyelidik-penyelidik di UTM dalam misi untuk mempertingkatkan lagi kualiti penyelidikan dan seterusnya menjadi universiti bertaraf dunia pada 2010. Antara cadangan dan isu yang telah dibincangkan dan perlu diberi perhatian adalah :

- Pembangunan Sumber Manusia yang kompeten.
- Peruntukan P&P yang mencukupi.
- Mengenalpasti bidang-bidang keutamaan.
- Pengurusan P&P dan Infrastruktur yang efektif.
- Mengukuhkan prestasi penunjuk prestasi dan penilaian yang jelas.

## THE WAY FORWARD

*R&D in Universiti Teknologi Malaysia (UTM) is recognised nationally as one of Malaysia's finest among public universities. The quality of UTM's research and recognition at national and international level is reflected in the success of its researchers in competitions for research funding. Ranked among top universities in Malaysia in R&D funding from MPKSN in 7th and 8th Malaysia Plan, the University attracts support from wide variety of private and government sources for research. In line with other top Malaysian universities, UTM is pursuing a strategic goal to nurture a world-class environment for research.*

*The UTM R&D Strategic Plan 2003-2010 is the outcome of series of brainstorming sessions involving research leaders, focus groups and R&D managers at all levels. The plan charts UTM's future direction in response to circumstances that highlight new opportunities and challenges for advancing the quality of research. Strategies have been included where measurable targets which the University wishes to achieve within the plan period. For each target, individuals or a committee is nominated to be responsible for facilitating, recording and reporting on the progress achieved. The identified Critical Success Factors (CSF) are elaborated in the plan along with the set of strategies in its attainment via the specified tasks. The implementation of these tasks will be guided by the project schedule and monitored by Research Management Centre (RMC).*

*The UTM R&D Strategic Plan 2003-2010 provides a roadmap for UTM in its quest to become a premier research university on the global stage. The plan will be adopted for implementation by all faculties, centre of excellence and focus groups and where necessary reviewed at a suitable time interval. It is hoped that all members of the University will use the opportunity provided by the review arrangement to contribute to the continuous process of improvement in implementing the strategic plan. It is also hoped that the Strategic Plan will become a useful working blueprint to assist researchers and staff in general, in their task of continual improvement of the quality of R&D University to achieve a world class institution by 2010. The major recommendations proposed area as follows :*

- *Development of Competent R & D manpower.*
- *Ensure Sufficient R & D Funding Area.*
- *Establishing Well Defined Research Area.*
- *Development R & D Management and Infrastructure Support.*
- *Establishing Well-Defined Performance Indicators and Effective R & D Evaluation.*



## LAPORAN PENGURUSAN

### Penyelidikan dalam Bidang Keutamaan

Rancangan Malaysia ke-8 yang telah berakhir pada Disember 2005 menunjukkan pertambahan jumlah peruntukan IRPA sebanyak 63.5% berbanding dengan Rancangan Malaysia Ke-7 (RMK-7). Sepanjang Rancangan Malaysia Ke-8 (RMK-8), sebanyak 338 projek dengan jumlah peruntukan RM130,609,475.19 telah diperolehi dari Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) berbanding dengan Rancangan Malaysia Ke-7 (RMK-7) iaitu sebanyak 393 projek dengan jumlah peruntukan sebanyak RM79,882,488.46. Perincian perolehan geran IRPA RMK-8 sehingga 31 Disember 2005 adalah seperti dalam Rajah 1.


## MANAGEMENT REPORT

### Intensification of Research in Priority Area (IRPA)

The 8<sup>th</sup> Malaysian Plan that concluded in December 2005 saw an increase in the total of IRPA grants to 63.5% as compared to RMK-7. A total of 338 projects with the allocated sum of RM130,609,475.19 has been received from the Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI) compared to 393 projects during RMK-7 with the allocated sum of RM79,882,488.46. The details of the IRPA grant attainment until 31 December 2005 are as illustrated in Figure 1.

**Rajah 1: Perolehan Geran IRPA**

**Figure 1 : Grant Attainment**



Terdapat tiga kategori dalam penyelidikan IRPA iaitu 'Experimental Applied Research (EAR)', 'Priority Research (PR)' dan 'Strategic Research (SR)'. Bagi tahun 2004 dan 2005 sebanyak 58 projek IRPA kategori EAR telah berjaya diperolehi oleh penyelidik UTM dengan peruntukan berjumlah RM27,643,862.00.


Jumlah projek dan peruntukan mengikut fakulti mencatatkan Fakulti Sains sebagai penerima peruntukan tertinggi pada tahun 2004 iaitu RM12,238,321.00 dengan jumlah projek sebanyak 13 buah projek pada tahun 2004. Manakala pada tahun 2005 Fakulti Kejuruteraan Mekanikal menerima peruntukan terbanyak iaitu RM2,849,200.00. Bilangan projek dan jumlah peruntukan bagi kesemua fakulti sepanjang 2004 dan 2005 ditunjukkan dalam Rajah 2.

There are three categories in IRPA research which includes Experimental Applied Research (EAR), Priority Research (PR) and Strategic Research (SR). For the year 2004 and 2005, a total of 58 IRPA projects worth RM27,643,862.00 have been successfully attained by UTM researchers. The sum of this allocation is focused on the EAR category only.

Based on the total number of projects and allocation received per faculty, the Faculty of Science emerged as the highest receiver allocation amounting to RM12,238,321.00 derived from 12 projects in 2004. Whereby, in 2005, the Faculty of Mechanical Engineering received the highest allocation which amounted to RM2,849,200.00. The total number of projects and allocation is shown in Figure 2.

**Rajah 2: Jumlah Peruntukan dan Jumlah Bilangan Projek Mengikut Fakulti bagi Projek Penyelidikan IRPA bagi Tahun 2004 dan 2005**

**Figure 2 : Total Allocation and Number of Projects by Faculty for IRPA Research Project Year 2004 and 2005**



**Singkatan**

**ATMA**- Akademi Tentera Malaysia, **FAB**- Fakulti Alam Bina, **FKA**- Fakulti Kejuruteraan Awam, **FKE**- Fakulti Kejuruteraan Elektrik, **FKKS**- Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Sumber Asli, **FKM**- Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, **FKSG**- Fakulti Kejuruteraan Sains Geoinformasi, **FP**- Fakulti Pendidikan, **FPPSM**- Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia, **FS**- Fakulti Sains, **FSKSM**- Fakulti Sains Komputer Dan Sistem Maklumat, **PPD**- Program Pengajian Diploma, **PPIPS**- Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial.

**Abbreviation**

**ATMA**- Malaysian Military Academy, **FAB**- Faculty of Built Environment, **FKA**- Faculty of Civil Engineering, **FKE**- Faculty of Electrical Engineering, **FKKS**- Faculty of Chemical and Natural Resources Engineering, **FKM**- Faculty of Mechanical Engineering, **FKSG**- Faculty of Geoinformation Science and Engineering, **FP**- Faculty of Education, **FPPSM**- Faculty of Management and Human Resource Development, **FS**- Faculty of Science, **FSKSM**- Faculty of Computer Science and Information System, **PPD**- Program for Diploma Studies, **PPIPS**- Centre for Islamic Studies and Social Development.

**Penyelidikan Fundamental**

Peruntukan Penyelidikan Fundamental ditaja oleh Kementerian Pengajian Tinggi. Sebanyak 537 projek bernilai RM10,086,518.53 telah diluluskan sepanjang Rancangan Malaysia Ke-8 (RMK-8) berbanding dengan Rancangan Malaysia Ke-7 (RMK-7) iaitu sebanyak 653 projek dengan peruntukan RM9,406,554.40 yang menunjukkan pertambahan peruntukan sebanyak 7.23%.

**Fundamental Research**


*Fundamental Research project are the projects funded by the Ministry of High Education (MOHE). A total of 537 projects with RM10,086,518.53 allocation was approved throughout the period of RMK-8 compared to RMK-7, that has 653 approved projects with RM9,406,554.40 total allocation. Hence, 7.23% of improvement.*

Untuk kategori ini, sepanjang tahun 2004 dan 2005 sebanyak RM3,948,527.00 telah diagihkan kepada penyelidik (fakulti) dengan bilangan projek sebanyak 171. Pada tahun 2004, Fakulti Sains menerima agihan terbanyak iaitu sebanyak 23 projek dengan jumlah peruntukan sebanyak RM666,000.00. Pada tahun 2005, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Sumber Asli telah menerima agihan terbanyak iaitu RM60,000.00 dengan empat projek. Agihan keseluruhan mengikut fakulti ditunjukkan dalam Rajah 3.

*For this category, a total of RM3,948,527.00 for 171 projects has been distributed to researchers (faculty) in the year 2004 and 2005. In 2004, the Faculty of Science is the highest recipient with an allocation of RM666,000.00 for 23 projects. Whereby in 2005, the Faculty of Chemical and Natural Resources Engineering was the highest recipient with the total sum of RM60,000.00 for four projects. The overall distribution by faculty are shown in Figure 3.*

**Rajah 3: Jumlah Peruntukan dan Bilangan Projek Mengikut Fakulti bagi Projek Penyelidikan Fundamental untuk Tahun 2004 dan 2005**

**Figure 3 : Total Allocation and Number of Projects by Faculty for Fundamental Research Project Year 2004 and 2005**



## Penyelidikan Institusi

Projek penyelidikan institusi merupakan penyelidikan yang dibiayai oleh Universiti Teknologi Malaysia dan dijalankan untuk faedah dan manfaat Universiti pada masa kini dan akan datang. Sebanyak dua projek penyelidikan yang diluluskan pada tahun 2004 dengan agihan peruntukan sebanyak RM120,000.00 iaitu RM100,000.00 dijalankan oleh penyelidik daripada Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan RM20,000.00 dijalankan oleh penyelidik daripada Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Sumber Asli.

Sebanyak 24 projek dengan jumlah peruntukan RM1,435,435.89 telah dikendalikan menggunakan peruntukan dari Universiti sepanjang Rancangan Malaysia Ke-8 (RMK-8). Ini merupakan pertambahan sebanyak dua kali ganda berbanding Rancangan Malaysia Ke-7 (RMK-7) di mana jumlah peruntukan hanyalah RM615,916.00 untuk 12 projek. Daripada 24 projek tersebut, lapan projek (33.3%) telah tutup dengan menghantar laporan, 15 projek (62.5%) telah tamat tetapi belum menghantar laporan dan satu projek (4.2%) masih aktif.

## Penyelidikan Kontrak

Sebanyak 67 projek dengan jumlah peruntukan RM18,664,372.64 telah diperolehi dari dalam dan luar negara sepanjang Rancangan Malaysia Ke-8 (RMK-8) iaitu peningkatan peruntukan sebanyak tiga kali ganda berbanding dengan Rancangan Malaysia Ke-7 (RMK-7) di dengan jumlah peruntukan adalah RM5,400,917.13 bagi 58 projek.

Sebanyak RM4,283,312.53 bersamaan 22.9% dari jumlah peruntukan yang diterima antaranya adalah dari sumber luar negara seperti berikut:

- i. European Commission (dengan kerjasama Cardiff University, Wales, United Kingdom, University of Applied Life Science, Vienna dan University of Hertfordshire, United Kingdom)
- ii. Swedish International Development Agency, Sweden
- iii. Kennametal Inc, United States
- iv. TIMET, United States

European Commission merupakan penaja yang paling besar iaitu 90.8%. Jumlah projek mengikut fakulti adalah seperti dalam Rajah 4.

## Institutional Research

*UTM research projects are research works that financed by the University and carried out for the benefits of the university presently and for the future. For the projects approved by the university, two research projects has been approved in 2004 with an allocation of RM120,000.00. The Faculty of Mechanical Engineering received the highest grant which totaled RM100,000.00. The Faculty of Chemical and Natural Resources Engineering received a total of RM20,000.00.*

*During RMK-8, 24 projects with the total allocation of RM1,435,435.89 has been carried out using the allocation from the university. The amount has doubled-up compared to RMK-7 which saw an allocated sum of only RM615,916.00 for 12 projects. From the total 24 projects, 8 projects (33.3%) have been closed and submitted their final reports without, 15 projects (62.5%) have been completed without submitting their report and 1 project (4.2%) is still active.*

## Contract Research

*A total of 67 projects with the total allocation of RM18,664,372.64 has been received from the country and abroad during RMK-8 which resulting in a threefold increase as compared to RMK-7 whereby the total allocation was RM5,400,917.13 for 58 projects.*


*A total of RM4,283,312.53 or 22.9% from the total allocation were received from oversea sources as listed below:*

- i. *European Commission (collaboration with Cardiff University, Wales, United Kingdom, University of Applied Life Science, Vienna, Austria and University of Hertfordshire, United Kingdom)*
- ii. *Swedish International Development Agency, Sweden*
- iii. *Kennametal Inc, United States*
- iv. *TIMET, United States*

*The European Commission is the top sponsor which contributes 90.8% of the allocation. The total of projects according to faculty are shown in Figure 4.*

**Rajah 4: Jumlah Peruntukan dan Bilangan Projek Mengikut Fakulti bagi Projek Penyelidikan Kontrak untuk Tahun 2004 dan 2005**

**Figure 4 : Total Allocation and Number of Projects by Faculty for Contract Research Project Year 2004 and 2005**



### Penyelidikan Lain-lain


Sebanyak 25 projek dengan jumlah peruntukan RM5,737,543.12 telah diperolehi dari pelbagai sumber kewangan sepanjang Rancangan Malaysia Ke-8 (RMK-8). Dari jumlah tersebut sebanyak RM4,037,205.00 telah diperolehi dari CIDB dan selebihnya dari Intel Technology Sdn. Bhd., Yayasan Felda, MPOB (*Malaysian Palm Oil Board*), Institut Penilaian Negara, MINT (*Malaysian Institution of Nuclear Technology*) dan Akademi Sains Malaysia melalui geran SAGA (*Scientific Advancement Fund Allocation*). Jumlah peruntukan mengikut fakulti tahun 2005 adalah seperti dalam Rajah 5.

### Others Research

*A total of 25 projects with a total allocation of RM5,737,543.12 were acquired from various financial resources throughout RMK-8. From that amount, a total of RM4,037,205.00 was received from CIDB and the remaining sum is from Intel Technology Sdn Bhd, Yayasan Felda, MPOB (Malaysian Palm Oil Board), National Evaluation Institute, MINT (Malaysian Institution of Nuclear Technology) and Akademi Sains Malaysia through SAGA (Scientific Advancement Fund Allocation). The allocation according to faculty in 2005 are shown in Figure 5.*

**Rajah 5: Jumlah Peruntukan dan Bilangan Projek Mengikut Fakulti bagi Projek Penyelidikan Lain bagi Tahun 2005**

**Figure 5 : Total Allocation and Number of Projects by Faculty for Other Research Project Year 2005**



### Laporan Akhir Projek Penyelidikan Rancangan Malaysia Ke-8 (RMK-8)

Setiap penyelidik bertanggungjawab untuk mengemukakan laporan akhir kepada RMC setelah projek tamat. Berdasarkan penghantaran laporan akhir bagi tahun 2004 dan 2005, sebanyak 388 laporan akhir projek daripada 993 jumlah keseluruhan projek telah diterima oleh RMC bagi semua jenis kategori penyelidikan.

Bagi kategori Penyelidikan IRPA, penghantaran laporan akhir bagi tahun 2005 adalah meningkat berbanding tahun 2004 iaitu sebanyak 102 projek. Penerimaan laporan akhir bagi kategori Penyelidikan Fundamental turut menunjukkan peningkatan pada tahun 2005 iaitu sebanyak 258 projek berbanding 168 projek pada tahun 2004.

Berdasarkan perbandingan antara tahun 2004 dan 2005, penerimaan laporan akhir bagi kategori Penyelidikan Institusi dan Penyelidikan Kontrak tidak menunjukkan peningkatan yang ketara. Kategori Penyelidikan Institusi hanya menunjukkan pertambahan satu projek dan empat projek bagi Penyelidikan Kontrak pada tahun 2005.

Bagi penyelidikan lain-lain, tiada sebarang laporan dikemukakan ke RMC pada tahun 2004 dan 2005. Perincian penghantaran laporan akhir bagi semua kategori penyelidikan mengikut fakulti adalah seperti di Jadual 1

### The Final Project Report of the 8<sup>th</sup> Malaysian Plan Research Project

All researchers are responsible to submit the final project report to RMC upon project completion. Based on the submitted reports for the year 2004 and 2005, 388 project reports have been received by RMC from 993 projects in all research categories.

For IRPA research category, the submitted final project reports for the year 2005 have increased to 102 projects compared to the year 2004. Whereby, submissions for the final project reports in fundamental research category for the year 2005 has increased i.e. 258 projects compared 168 projects in 2004.

However, the submissions of the final project reports for institution research and contract research categories are not obviously increased in comparisons between 2004 and 2005. Only one institution research project report and four contract research project reports were submitted in 2005.

There are no report submitted to RMC in other research category for both 2004 and 2005. The detail of the end of project report submissions for all research categories according to the faculties are shown in Table 1.

**Jadual 1 : Jumlah Penghantaran Laporan Akhir Projek Penyelidikan Mengikut Fakulti dan Kategori bagi Tahun 2004 dan 2005**

*Table 1 : Total of Final Report Submission by Faculty and Category Year 2004 and 2005*

Fakulti <i>Faculty</i>	IRPA			Penyelidikan Fundamental <i>Fundamental Research</i>			Penyelidikan Institusi <i>Institutional Research</i>			Penyelidikan Kontrak <i>Contract Research</i>			Penyelidikan Lain-lain <i>Others Research</i>		
	Jumlah Projek	2004	2005	Jumlah Projek	2004	2005	Jumlah Projek	2004	2005	Jumlah Projek	2004	2005	Jumlah Projek	2004	2005
		Penghantaran Laporan	Penghantaran Laporan		Penghantaran Laporan	Penghantaran Laporan		Penghantaran Laporan	Penghantaran Laporan		Penghantaran Laporan	Penghantaran Laporan			
ATMA	2	0	0	4	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0
FAB	8	0	1	31	18	22	1	0	0	10	3	3	0	0	0
FKA	26	1	4	47	5	22	3	2	2	7	0	0	12	0	0
FKE	46	3	22	18	8	11	2	0	0	6	1	1	1	0	0
FKKSA	73	0	24	51	17	27	1	0	0	6	1	2	2	0	0
FKM	41	0	15	37	3	7	4	0	0	16	0	1	1	0	0
FKSG	34	0	6	47	20	30	2	1	1	5	1	1	2	0	0
FPPSM	11	0	3	90	28	41	4	3	3	15	5	6	0	0	0
FP	0	0	0	42	18	25	5	1	2	0	0	0	1	0	0
FS	50	0	13	65	28	32	2	1	1	3	0	1	7	0	0
FSKSM	42	0	18	51	7	17	0	0	0	0	0	0	0	0	0
PPD	5	0	0	28	6	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
PPIPS	0	0	0	25	9	12	0	0	0	0	0	0	0	0	0
PSZ	0	0	0	1	1	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
<b>JUMLAH TOTAL</b>	<b>338</b>	<b>4</b>	<b>106</b>	<b>537</b>	<b>168</b>	<b>258</b>	<b>24</b>	<b>8</b>	<b>9</b>	<b>68</b>	<b>11</b>	<b>15</b>	<b>26</b>	<b>0</b>	<b>0</b>


## PENGURUSAN HARTA INTELEK

Dalam usaha Universiti untuk mengkomersilkan hasil-hasil penyelidikannya, Universiti telah menubuhkan Unit Harta Intelek di bawah pentadbiran Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC). Sejalan dengan peningkatan kesedaran kepentingan perlindungan harta intelek di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, RMC telah mengambil inisiatif untuk membina budaya bagi menggalakkan aktiviti inovasi dan rekacipta di kalangan penyelidik UTM. Dalam tahun 2004, sebanyak 32 borang *Invention Disclosure* telah dihantar oleh para penyelidik. Manakala pada tahun 2005, sebanyak 54 disclosure telah dihantar oleh penyelidik yang menunjukkan peningkatan sebanyak 69% daripada tahun sebelumnya. Rajah 6 menunjukkan statistik perbandingan penerimaan *Invention Disclosure* mengikut fakulti bagi tahun 2004 dan 2005, manakala Rajah 7 pula menunjukkan penerimaan *Invention Disclosure* secara keseluruhannya sehingga 31 Disember 2005. Rajah 8 pula menunjukkan bilangan produk yang berjaya untuk difailkan permohonan paten bagi tahun 2004 dan 2005.

## INTELLECTUAL PROPERTY MANAGEMENT


*In an effort to commercialise the products of its research, the university has established the Intellectual Property Unit under the administration of the Research Management Centre (RMC). In line with the increasing awareness regarding the importance of protecting intellectual property at the national and international level, RMC has taken the initiative to inculcate these values while encouraging innovation and invention activities among UTM researchers. In 2004, a total of 32 Invention Disclosure forms have been submitted by fellow researchers. Meanwhile, in 2005, a total of 54 disclosures have been submitted from researchers marking 69% higher than the previous year. Figure 6 shows the comparison of submitted Invention Disclosure forms by faculty while Figure 7 shows the number of products that were successfully filed for the years 2004 and 2005.*

Rajah 6: *Invention Disclosure* Mengikut Fakulti  
 Figure 6 : *Invention Disclosure* by Faculty






**Rajah 7: Invention Disclosure Mengikut Tahun**  
**Figure 7 :Invention Disclosure by Year**




**Rajah 8: Bilangan Paten yang Difailkan**  
**Figure 8 : Number of Patent Filing**



Di samping pemfailan paten, RMC juga terlibat dalam beberapa aktiviti yang berkaitan dengan pendaftaran, penyelenggaraan paten dan program kesedaran harta intelek. Proses memberi kesedaran kepada warga Universiti adalah satu agenda utama yang sedang dijalankan bagi meningkatkan kesedaran tentang kepentingan perlindungan harta intelek. RMC juga telah mengadakan Anugerah Kreativiti & Inovasi bermula tahun 2001 sebagai menghargai dan mengiktiraf kerja-kerja penyelidikan yang telah dihasilkan oleh mereka. Langkah ini juga boleh mendorong dan menjadi pemangkin untuk membangunkan lagi teknologi dan kepakaran supaya lebih kompetitif selain meningkatkan jumlah penemuan saintifik yang boleh dipatenkan di UTM.

*Besides filing patents, RMC is also involved in activity relating to registration, patent maintenance and intellectual property awareness program. The process of raising awareness among the university population was the main agenda. This has been carried out currently to increase awareness in the importance of protecting intellectual property. RMC also organised the Creativity and Innovation Award since 2001 to honour and recognise research works that have been done. It will function as an encouragement and catalyst to develop technology and expertise so as to be more competitive besides increasing the number of scientific findings that can be patented by UTM.*


**Rajah 9: Hak Harta Intelek di UTM Sehingga 31 Disember 2005**  
**Figure 9 : UTM's Intellectual Property Rights Until December 2005**



Jumlah terkini keseluruhan perlindungan harta intelek mengikut kategori ialah sebanyak 92 produk seperti dinyatakan dalam Rajah 9. Sebanyak 26 produk telah difailkan dalam tahun 2004 dan 25 produk adalah bagi tahun 2005. Statistik perbandingan dinyatakan dalam Rajah 10.

*The recent number of overall protected intellectual property by category are 92 products as shown in Figure 9. A total of 26 and 25 products were managed respectively in 2004 and 2005. Comparison statistics for Intellectual Property Rights are shown in Figure 10.*

**Rajah 10: Hak Harta Intelek Mengikut Tahun**  
**Figure 10 : Intellectual Property Rights by Year**



## AKTIVITI PENGUKUHAN P&P

### Pertandingan dan Pameran P&P

RMC telah menjalankan beberapa aktiviti pemasarannya sendiri untuk mempromosi hasil-hasil penyelidikan UTM serta kepakaran P&P kepada pihak luar melalui aktiviti pameran, penerbitan buletin, liputan media massa dan lawatan industri. Menerusi penyertaan pameran dan pertandingan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, Universiti dapat meningkatkan imej dan menjalin kerjasama dengan pihak luar yang dapat membantu menjana lebih banyak peluang penyelidikan. Hasil usaha tersebut, UTM telah mendapat kejayaan yang cemerlang melalui penerimaan pelbagai pingat dalam pertandingan yang disertai termasuk pengiktirafan yang diberikan kepada para penyelidik. Sehingga kini UTM telah memperolehi sebanyak 243 anugerah iaitu sebanyak 86 di peringkat antarabangsa dan 157 anugerah di peringkat kebangsaan (rujuk Jadual 2). Pencapaian ini merupakan pertambahan sebanyak 43.8% berbanding jumlah anugerah yang diperolehi sehingga akhir tahun 2004 iaitu sebanyak 63 pingat di peringkat antarabangsa dan 105 pingat di peringkat kebangsaan. Penerimaan anugerah melalui pameran dan pertandingan P&P diperingkat kebangsaan dan antarabangsa bagi tahun 2004 dan 2005 adalah seperti di Jadual 3. Acara tahunan Industrial Art & Technology Exhibition (INATEX) adalah pintu utama staf UTM mempamerkan hasil penyelidikan dan memperlihatkan potensi untuk pengkomersilan. INATEX 2004 telah berlangsung pada 6 hingga 8 Julai manakala INATEX 2005 pada 10 hingga 12 Mac.

Di peringkat kebangsaan, UTM turut menyertai beberapa pameran dan pertandingan yang berprestij. Antaranya ialah *Invention, Innovation, Industrial Design and Technology Exhibition (ITEX)*, Pameran Penyelidikan dan Pembangunan IPTA dan *Expo Science & Technology (Expo S&T)*.

## R&D ENHANCEMENT ACTIVITY

### R&D Competition and Exhibition

